Kebelakangan ini, penggunaan lateks getah asli semakin meningkat di seluruh dunia walaupun pengeluarannya didapati makin menurun. Menurut Ringkasan Perangkaan Getah Bulanan Malaysia kesan ini turut dirasai di Malaysia. Jumlah pengeluaran bagi tempoh sembilan bulan pertama tahun 2008 menurun sebanyak 4.6 % berbanding tahun tempoh yang sama tahun 2007. Pada bulan Ogos 2008, nisbah jumlah pengeluaran dengan keluasan yang ditoreh dilaporkan sebanyak 128,6 kilogram (kg/hek). Berbanding dengan bulan Julai 2008, produktiviti menunjukkan penurunan sebanyak 1,1%. Bagi tahun atas tahun, produktiviti menurun sebanyak 15,5%. (<http://www.statistic.gov.my>, 2008). Harga purata lateks pekat tahun ke tahun meningkat sebanyak 16.2 % (<http://www.bernama.com>, 2008). Malaysia merupakan negara pengeluar utama sarung tangan perubatan berkualiti tinggi di dunia dan menyumbang kira-kira 65% daripada pasaran dunia (Ong et al, 1998). Umumnya getah lebih dari 4000 jenis produk digunakan oleh pengguna dan 400 adalah alat-alat dibidang kesihatan, kerana ianya mempunyai sifat-sifat yang tiada bandingannya seperti ketahanan, keterlenturan, pelepasan dan hentaman, rintangan koyak, kekenyalan dan daya tahan yang baik. (Cornish, 2001). Penggunaan lateks getah asli (GA) banyak digunakan dalam penghasilan sarung tangan dan kondom. Selain daripada itu terdapat juga produk-produk lateks lain yang dihasilkan daripada lateks getah asli (GA) seperti pita pelekat, kain pembalut lentur, pelapik getah, topeng pembedahan, pakaian dalam, pelapik elektrod, tiub

stetoskop dan belon. Kejayaan yang dicapai adalah hasil daripada kualiti sarung tangan yang berjaya dihasilkan serta kecemerlangan kerajaan dan pengeluar sarung tangan lateks getah asli (GA). Penggunaan sarung tangan lateks getah asli pakai buang meningkat dengan pesat selepas tahun 1987. Banyak produk-produk lateks GA untuk bidang perubatan ini tidak dapat dibuat dengan getah sintetik (Jan, 2006). Walau bagaimana pun industri sarung tangan lateks di negara kita berada dalam dilema, ini disebabkan oleh peningkatan harga lateks getah asli. Malaysia terpaksa bersaing dengan negara jiran yang mampu menghasilkan bahan alternatif berkos rendah seperti sarung tangan sintetik vinil.

Penghasilan produk lateks menggunakan kaedah pencelupan selalunya menggunakan lateks yang terlebih dahulu disebatikan dengan bahan-bahan kuratif. Lateks yang telah disebatikan ini selalunya menimbulkan masalah yang mana menghasilkan sisa dalam industri lateks. Sisa lateks akan terhasil apabila sebatian lateks menjadi lampau matang. Lampau matang terjadi disebabkan proses sambung silang yang terjadi di dalam sebatian lateks semasa penyimpanan dan pemprosesan. Lateks lampau matang ini tidak dapat digunakan untuk menghasilkan produk kerana ianya akan menghasilkan sifat-sifat filem yang rendah kualitinya dan ianya harus dibuang sebagai sisa. Sambung silang lampau matang yang terbentuk adalah disebabkan oleh bahan-bahan kuratif yang berada dalam lateks. Bahan-bahan kuratif ini menyebabkan sambung silang boleh berlaku dalam zarah-zarah lateks. Proses sambung silang ini tidak boleh dihindarkan kecuali kalau bahan-bahan kuratif habis terpakai atau sebatian lateks disejukkan pada suhu di bawah 20 °C. Jika tidak dilakukan pencegahan, lateks yang tersebati ini cenderung menjadi lampau matang.

(Baharin et al, 2001) Oleh yang demikian lateks sebagai sisa harus dibuang dan ini akan menambah kos, pembaziran dan mendatangkan masalah pembuangan di bawah peraturan ‘Akta Kualiti Alam Persekitaran’ (1974), ‘ Akta Kualiti Udara Bersih’ (1979), ‘Akta Ancaman Persekitaran’, (1992), (Sin, 1994).

Kecenderungan penggunaan sumber yang tersedia ada dan peningkatan kesedaran terhadap persekitaran telah membawa kepada penyelidikan dengan menggunakan kaedah penglitupan kuratif pada filem lateks getah asli. Kaedah pencelupan yang diubah suai ini

1.2 Objektif Penyelidikan

Berdasarkan kaedah pencelupan yang selalu digunakan, projek ini cuba untuk menggunakan kaedah yang berbeza, dimana lateks dimatangkan dengan menggunakan kaedah penglitupan filem dengan kuratif. Ini dicapai dengan merendam filem lateks didalam takungan kuratif. Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk menghasilkan filem lateks getah asli yang berkualiti tinggi serta tidak menjanakan sisa kerana lateks getah asli hanya disebatikan dengan anti oksidan sahaja kemudian direndam didalam kuratif. Kaedah ini memperkenalkan kaedah yang lebih mudah untuk menghasilkan barangan dari lateks getah asli.

Objektif penyelidikan adalah:

1. Proses menghasilkan sambung silang getah asli dengan menggunakan kaedah penglitupan kuratif.
2. Mengkaji kesan rendaman di dalam kuratif dan pengeringan terhadap sifat-sifat tensil filem yang terhasil.

3. Mengkaji kesan ketebalan filem dan kepekatan kuratif terhadap sifat-sifat tensil filem yang terhasil .
4. Mencadangkan hipotesis untuk menerangkan kesan masa dan suhu rendaman serta masa dan suhu pengeringan terhadap sifat-sifat tensil filem yang terhasil.

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1 Lateks getah asli


Lateks getah asli (GA) didapati daripada pokok *Hevea brasiliensis* yang berasal dari keluarga *Euphorbiaceae* telah dijumpai dikawasan tropika Amazon, Amerika Selatan sebelum dibawa ke benua lain. Lateks yang berasal dari pokok *hevea brasiliensis* ditemukan daripada kota Para negeri Brazil, dalam kimia dipanggil poliisoprena (Ciesielki, 1999; <http://ms.wikipedia.org>, 2007; Tan & Lau, 2006). *Hevea brasiliensis* adalah pokok yang tumbuh subur pada iklim tropika. Spesies ini hidup subur di kawasan yang bersuhu purata 80 °F (27 °C) dan mengalami penurunan hujan tahunan sebanyak 80 inci (200 cm), (Blackley, 1997). Lateks getah asli yang berasal daripada lateks *Hevea brasiliensis*, ialah cecair seperti susu yang diperolehi daripada proses penorehan batang pokok getah. Cecair ini adalah terdiri daripada 30-40% zarah hidrokarbon getah yang terkandung di dalam serum yang juga mengandungi protin, karbohidrat, dan komposisi-komposisi organik serta bukan organik yang lain (Ong *et al*, 1998; Esah & Paul, 2002).

2.2 Pemprosesan lateks getah asli

Pertukaran dari pemekatan cecair lateks getah asli menghasilkan barangan lateks getah asli seperti sarung tangan sangatlah kompleks. Umumnya lateks getah asli disediakan dengan kaedah pencelupan dan menambahkan bahan-bahan kimia untuk menghasilkan barangan yang mempunyai sifat-sifat fizikal yang baik. Bahan-bahan kimia disebatikan dengan lateks getah asli dan selanjutnya diletakkan dalam mesin pencelupan. Biasanya, kilang sarung tangan menggunakan pembentuk daripada seramik untuk proses pencelupan.

Sarung tangan dari lateks (sarung tangan pemeriksaan, sarung tangan pembedahan atau sarung tangan kegunaan rumah) dihasilkan dengan menggunakan kaedah pencelupan berkoagulan kering. Rajah 2.1. menunjukkan carta aliran penghasilan sarung tangan pemeriksaan menggunakan kaedah pencelupan berkoagulan kering. Carta aliran penghasilan sarung tangan yang lain tidak banyak berbeza dari sarung tangan pemeriksaan.

Dari Rajah 2.1. boleh dilihat langkah pertama penghasilan sarung tangan pemeriksaan ialah proses penyebatian lateks. Selepas penyebatian, barulah lateks dimasukkan ke dalam tangki lateks untuk pencelupan. Dari rajah ini, boleh dilihat tempat atau langkah yang akan menjanakan sisa lateks ialah semasa penyebatian dan semasa ditangki sebatian lateks. Langkah-langkah lain tidak menghasilkan sisa lateks tetapi akan menjanakan sisa produk seperti produk yang mempunyai kecacatan.




Rajah 2.1. Carta aliran proses pencelupan berkoagulan (Indian Rubber, 1998)

2.2.1 Ramuan Penyebatian Lateks

Penyebatian lateks GA semasa proses pra-penvulkanan harus diikuti dengan bahan-bahan kimia organik digunakan untuk menghasilkan sifat-sifat pada produk yang terhasil. Bahan-bahan ini selalu dipanggil kuratif. Sebahagian daripada bahan kimia organik tersebut boleh menghasilkan amin sekunder(Travas et al, 1995).

Fungsi kuratif ialah untuk menghasilkan sambung silang dalam zarah lateks. Kuratif yang paling biasa digunakan ialah sulfur.

Secara amnya, sambung silang dihasilkan dengan penggunaan sulfur secara bersendirian tanpa penambah- penambah yang lain tetapi kekuatan filem lateks ter Vulkan yang dihasilkan adalah rendah atau lemah. Kekuatan filem lateks ter Vulkan akan dapat ditingkatkan dengan penambahan bahan-bahan kuratif lain seperti ZnO (pengaktif) dan ZDEC (pemecut) seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.2 (Wong & Chen, 1987).




Rajah 2.2. Kesan pengaktif dan pemecut ke atas kekuatan tensil filem lateks getah asli yang disambung silang dengan sulfur pada suhu 93 °C, (Wong & Chen, 1987).

Daripada Rajah 2.2 menunjukkan bahawa kesan pengaktif dan pemecut ke atas kekuatan tensil filem lateks getah asli yang disambung silang dengan sulfur pada

suhu 93 °C mengalami perbezaan yang ketara. Apabila agen pemvulkanan tidak ditambahkan ke dalam sebatian lateks kekuatan tensil rendah berbanding sebatian yang telah ditambahkan pengaktif dan pemecut.

Selain penggunaan kombinasi penambah tertentu yang akan mempengaruhi sifat-sifat filem lateks getah asli, jenis dan amaun sulfur yang digunakan juga amat mempengaruhi struktur rangkaian dan jenis sambung silang yang terbentuk yang akan meninggalkan kesan pada sifat filem. Sulfur hanya digunakan untuk rangkaian tulang belakang getah yang tepu. Terdapat dua bentuk sulfur iaitu sulfur rombik (S₈) dan sulfur polimerik (iaitu penderma sulfur). Jika sulfur biasa (sulfur berbentuk kristal rombik halus atau sulfur amorfus) digunakan pada 0.5 - 2.5 bsg (bahagian seratus getah), produk atau filem yang dihasilkan akan mempunyai kestabilan haba yang rendah iaitu dimensi produk akan berubah selepas pemanasan kerana kebanyakan sambung silang yang terbentuk dengan cara pemvulkanan ini adalah jenis ikatan polisulfida. Ikatan polisulfida ini merupakan ikatan yang kurang stabil iaitu mudah diubahkan. Ini berlaku bagi lateks yang telah di jadikan filem. Modulus dan kekerasan vulkanizat meningkat dengan pertambahan sulfur dengan anggapan yang sulfur ditambah, digunakan sepenuhnya dalam sambung silang. Pengaruh paras sambung silang pada modulus filem lateks ditunjukkan dalam Rajah 2.3 (Gazeley et al, 1988)




Rajah 2.3. Kesan peningkatan sulfur ke atas modulus pada 300% pemanjangan (Gazeley et al, 1988).

Hasil kajian Mohd Nasir (1980) menunjukkan terdapatnya penghadan sulfur yang bergabung dengan zarah-zarah lateks. Jadi bilangan ikatan valens sekunder yang bertanggung jawab pada kekuatan filem turut terbatas. Oleh itu, pada gabungan sulfur maksimum, akan adanya bilangan ikatan maksimum yang menghasilkan kekuatan tensil maksimum dan modulus pada pemanjangan 300% (M_{300}) meningkat. Hauser et al, (1942) melaporkan sulfur tergabung semasa pemvulkanan lateks bergantung pada suhu dan masa pemvulkanan lateks, bukan saja kepada amaun sulfur yang hadir di dalamnya. Pemerhatian yang sama telah dilaporkan oleh beberapa penyelidik (Humphreys & Wake, 1950) iaitu hanya lebih kurang 1.8% sulfur akan bergabung dengan hidrokarbon getah tanpa bergantung kepada banyaknya amaun sulfur yang digunakan. Jika penderma sulfur jenis tiuram seperti TMTD (Tetramethylthiuram disulphide) digunakan, filem lateks yang dihasilkan akan mempunyai kestabilan haba yang lebih tinggi dan penuaan suhu tinggi lebih baik (Gorton, 1988).

Pemecut merupakan bahan kimia yang biasanya ditambahkan ke dalam sebatian lateks dan ia akan bertindak untuk mengawal kadar proses penyambung silangan. Untuk sebatian lateks, pemecut cepat (kereaktifan tinggi) sering digunakan memandangkan proses penyambung silangan dilakukan pada suhu yang lebih rendah dari penyambung silangan getah kering. Pemilihan pemecut di dalam proses vulkanisasi sulfur akan menentukan jaringan struktur dan akibat dari spesifik sifat-sifat bahan yang digunakan (Coran, 1990; Jelencic, 1988).

Pemecut yang selalu digunakan untuk mempercepat proses penyambung-silangan lateks getah asli ialah pemecut jenis dithiokabamat. Garam daripada asid dialkildithiokarbamat merupakan jenis pemecut yang biasa digunakan. Struktur am asid dithiokarbamat terdapat ditunjukkan dalam Rajah 2.4 (Blackley, 1966).




Rajah 2.4. Struktur asid dithiokarbamat terdapat (Blackley, 1966).

Kation itu boleh merupakan samada ion logam ataupun ion ammonium terdapat. Logam yang paling biasa digunakan ialah zink dan pemecut dithiokarbamat biasa digunakan adalah ZDEC (zink diethyldithiocarbamate). Sementara itu, sodium dan piperidinium merupakan dua kation yang lain juga boleh dipakai. Satu

kelemahan pada pemecut dithiokarbamat ialah ia akan menghasilkan pelumuran kupram (copper staining) pada filem lateks. Selain itu ia berfungsi sebagai antioksidan yang kuat dalam produk lateks (Chapman & Porter, 1988). Kereaktifan pemecut dithiokarbamat adalah bergantung pada panjang rantai kumpulan alkil, seperti tertib berikut (Loo & Wong, 1987)




Penggunaan pemecut boleh di kombinasi dengan sistem satu pemecut (pemecut primer) yang mempunyai keaktifan yang mencukupi untuk menghasilkan pematangan yang berkesan dalam masa tertentu. Gabungan dua atau lebih pemecut, mengandungi pemecut primer yang digunakan dalam jumlah yang sedikit (iaitu 10% hingga 20% dari jumlah keseluruhan) untuk mengaktifkan dan memperbaiki sifat-sifat vulkanisat Gabungan jenis ini biasanya mewujudkan kesan sinergistik di mana produk akhir lebih baik dihasilkan menggunakan pemecut secara berasingan.



Rajah 2.5. Perbandingan efisiensi sambung silang daripada pemecut ZDEC, ZMBT, DPG dan ZMBT dalam vulkanisasi filem lateks GA (Travas, 1995).

Kehadiran pemecut akan meningkatkan kadar kombinasi sulfur dengan getah dan meningkatkan kecekapan sulfur sebagai agen sambung silang bagi membentuk struktur rangkaian. Ini akan meningkatkan kadar sambung silang dan ketumpatan sambung silang. Penggunaan pengaktif seperti ZnO, pemecut seperti ZDEC dalam formulasi akan meningkatkan ketumpatan sambung silang. Meningkatnya kuantiti bahan tersebut akan meningkatkan kadar kombinasi sulfur dan getah iaitu meningkatkan kecekapan sambung silang (Bateman et al, 1963) yang akhirnya meningkatkan ketumpatan sambung silang.

Pengubahsuaian kandungan bahan dalam formulasi akan mengubah jumlah kandungan sambung silang. Ini juga dapat ditunjukkan didalam, Rajah 2.6 untuk kesan ketumpatan sambung silang yang menggunakan penambah dan yang tidak menggunakan penambah (zink oksida) (Blackley, 1988). Rajah 2.6 menunjukkan kesan penambahan ZnO telah meningkatkan kekuatan tensil lateks getah asli.



Rajah 2.6. Pengaruh zink oksida terhadap sambung silang lateks getah asli pada prapemvulkan 70 °C (Blackley, 1988).

Pengaktif adalah kuratif yang digunakan untuk meningkatkan kadar pemvulkanan dengan mengaktifkan pemecut supaya bertindak dengan berkesan. Adalah dipercayai pengaktif akan bertindakbalas untuk membentuk kompleks perantaraan dengan pemecut. Kompleks ini akan lebih berkesan untuk mengaktifkan sulfur dan pengaktif ini dapat dikelaskan kepada (Morton, 1987) :

- a) Sebatian tak organik (terdiri dari oksida logam) contoh zink oksida, batu kapur terhidrat, plumbum merah dan putih, magnesium oksida, hidroksida dan lain-lain.
- b) Asid organik biasa digunakan dengan cara menggabungkan dengan oksida logam. Asid organik adalah asid monobes mempunyai berat molekul tinggi contohnya asid stearik dan lain-lain.


- c) Bahan-bahan alkali, meningkatkan pH sebatian getah dan kebanyakan reasol, setiap bahan yang menyebabkan sebatian getah lebih berbes akan meningkatkan kadar pematangan sementara bahan berasid akan merencatkan kesan pemecut, contohnya bahan alkali ialah ammonia, amina, garam amina dengan asid lemah.

Pengaktif yang biasa digunakan dalam industri adalah zink oksida. Amaun zink oksida yang ditambahkan biasanya pada bahagian peratus getah yang kecil sahaja 0.5-2.5 bsg. Peningkatan paras zink oksida menyebabkan filem lebih resisten kepada pematangan lampau (Morton, 1987). Kehadiran ZnO ini akan dapat mengurangkan kadar kehilangan pemecut semasa proses penyambung silangan dengan menjana semula pemecut. Dengan itu, penambahan zink oksida akan dapat memastikan bahawa proses pemvulkanan tidak terencat akibat kekurangan kepekatan pemecut. Hasil kajian daripada Dalfsen (1943) menunjukkan bahawa peratusan kandungan sulfur yang tergabung dalam getah semasa pemvulkanan adalah lebih tinggi dengan kehadiran ZnO

Kehadiran zink oksida akan mempengaruhi kejernihan filem. Untuk menghasilkan produk yang memerlukan kejernihan filem yang tinggi, amaun ZnO yang dipakai mestilah sangat sedikit dan menggunakan jenis pemecut yang lebih berkuasa dan kitaran pemanasan yang lebih panjang (Pendle, 1974). Penggunaan ZnO yang banyak akan menyebabkan peningkatan kelikatan sebatian lateks. Peningkatan kelikatan akan menyebabkan lateks mudah beku. Kesan penambahan pengaktif, ZnO kepada sebatian lateks menyebabkan peningkatan kekuatan tensil dan modulus (Blackley, 1997).


Anti pengoksidaan adalah tidak begitu diperlukan untuk sebatian lateks. Ini kerana molekul getah dalam lateks adalah tidak terdedah kepada sebarang langkah perosotan (Flint, 1946). Selain itu lateks getah asli juga mengandungi anti-pengoksidaan semula jadi seperti tokotrienol, protin, asid amino dan fenol. Tahap kandungan anti-pengoksidaan semula jadi ini akan memberi penuaan yang baik kepada lateks (Nadarajah et al, 1972; Morimoto, 1985).

Walaupun lateks GA mempunyai anti pengoksidaan semula jadi, anti pengoksidasian masih perlu ditambah ke dalam sebatian lateks getah asli kerana memandangkan kebanyakan produk lateks adalah nipis dan ini menyebabkan produk lateks cenderung mengalami proses pengoksidaan semasa dikilang dan juga semasa penggunaan haba. Walaubagaimanapun agen semula jadi yang juga paling utama akan merosot atau menuakan getah-getah adalah oksigen. Dengan kehadiran oksigen dan haba, proses penuaan oksidatif akan berlaku pada getah yang tidak mempunyai ketidaktepuan pada rantai tulang belakang. Proses ini menyebabkan pengguntingan rantai tulang belakang dan penguraian. Sambung silang sulfidik yang seterusnya membawa kepada perosotan sifat-sifat mekanik vulkanisat getah. Hasil utama dalam pengoksidaan getah adalah hidroperoksida. Hidroperoksida ini mengurai membentuk banyak radikal bebas yang seterusnya bertindak balas dengan getah untuk membentuk lebih banyak lagi radikal bebas. Bolland dan Hughes (1949) telah mencadangkan mekanisme pengguntingan rantai seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah ini.



Rajah 2.7. Mekanisme pengguntingan rantai (Bolland dan Hughes, 1949).


Radikal peroksida yang terbentuk adalah tidak stabil dan ditukarkan kepada radikal alkoksi yang lebih stabil seperti dibawah :



Rajah 2.8. Pembentukan radikal peroksida dari mekanisme pengguntingan rantai (Bolland dan Hughes, 1949).


- (a) dan (c) → Rantai getah yang teretak
- (b) → Levulinaldehid yang bertakat lebur rendah
- (c) → Radikal alkoksi yang meneruskan proses rantaian

Walaubagaimanapun keadaan ini dapat ditunjukkan dalam Rajah 2.9 iaitu kesan anti-pengoksidaan terhadap kadar penyerapan oksigen bagi filem lateks getah asli tevulkan (Wong & Chen, 1987)



Rajah 2.9. Kesan anti-pengoksidaan terhadap kadar penyerapan oksigen bagi filem getah asli tervulkan (Wong & Chen, 1987).

Daripada Rajah 2.9 dapat dilihat penambahan agen anti pengoksidaan mengurangkan penyerapan oksigen, ini mengurangkan perosotan. Anti pengoksidaan yang biasa ditambah ke dalam sebatian lateks adalah anti pengoksidaan jenis fenolik kerana sifat “non-staining” iaitu tidak cenderung menyebabkan penyahwarnaan semasa penuaan (Calvert, 1982; Wong, 1992). Anti pengoksidaan yang biasa digunakan ialah 2,2'-methylene-bis-(4-methyl-6-tert-butylphenol) atau singkatannya AO 2246 dengan struktur seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.10. :




Rajah 2.10. Struktur AO 2246 (Calvert, 1982; Wong, 1992).

2.3. Mekanisme pematangan lateks

Pematangan adalah proses pembentukan sambung silang pada sebatian lateks GA dan filem yang dihasilkan. Mekanisme pematangan lateks belum sepenuhnya mempunyai pengertian yang seragam. Mekanisme pembentukan sambung silang terjadi semasa proses sebatian lateks dipra-pemvulkanan dan pengeringan. Sejauh kerja yang dilakukan pengertian dari mekanisme pematangan lateks adalah pematangan bahan-bahan yang terlarut dalam serum lateks. Kadar laju dari pelarutan adalah salah satu kesulfur berbanding dengan pencepat. Sulfur dan pencepat adalah melarut dalam air dengan beberapa kompleks dari kehadiran bahan-bahan boleh larut air bukan getah ke dalam kepekatan lateks getah asli yang telah diberi bahan pengawet ammonia normal. Kekompleksan dari sulfur dan pencepat dengan bahan-bahan boleh larut air bukan-getah dalam pembentukan dari golongan boleh larut air bukan-getah yang dapat dipindahkan ke zarah-zarah getah. Zarah-zarah permukaan golongan pencepat sulfur akan kehilangan sejumlah atau semua dari molekul-molekul yang menjadi melarut. Kehilangan molekul-molekul akan kembali ke fasa akues, dan boleh digunakan untuk kompleks dengan molekul-molekul lainnya dari golongan pencepat sulfur. Sisa golongan pencepat sulfur dari zarah-zarah permukaan getah akan menjadi hidropobik dan berpindah ke dalam zarah-zarah getah dan terbentuk sambung silang. Walaupun keadaan ini belum jelas keadaan proses sambung silang golongan pencepat sulfur berlaku masuk ke dalam zarah-zarah getah atau sampai golongan yang mempunyai kedudukan zarah-zarah getah dan kemudian proses pertunjukkan sambung silang. Bila proses sambung silang berlaku salah satu nilai semasa difusi dari golongan masuk ke dalam zarah-zarah, dan kemudian kepekatan dari sambung silang keluar dari bahagian zarah-zarah yang diharapkan menjadi lebih baik daripada ke dalam. Walaubagaimanapun, apabila proses sambung

silang sudah sampai menduduki golongan zarah-zarah pencepat sulfur, kepekatan dari sambung silang adalah diharapkan menjadi seragam. Sambung silang yang terbentuk memberi kesan pada sifat-sifat filem yang dihasilkan seperti sifat-sifat mekanikal dan ketumpatan sambung silang. Ketumpatan sambung silang adalah pengukuran jumlah sambung silang di antara rantai dalam bahan jisim yang diberi oleh berat molekul pada panjang rantai di antara setiap sambung silang (Mc). Sambung silang kimia dihasilkan semasa proses pemvulkanan (Blackley, 1997)



Rajah 2.11. Skematik mekanisme pematangan lateks (Blackley, 1997).

2.3.1 Pematangan sebatian lateks GA

Umumnya industri sarung tangan dan kondom menggunakan lateks getah asli dengan teknik pencelupan yang dipanggil pencelupan konvensional. Sebatian lateks getah asli ialah lateks yang telah dicampurkan dengan bahan-bahan tambahan seperti kuratif, pemecut, pengaktif, anti pengoksidaan dan bahan-bahan lain

mengikuti formulasi yang disediakan. Formulasi umum untuk sebatian lateks seperti yang ditunjukkan dibawah ini :

Jadual 2.1. Formulasi umum untuk sebatian lateks (Morton, 1973)

Bahan-bahan	Berat kering (gram)
60 % NR Latex	100
10 % KOH (penstabil)	0.25
50 % Sebatian sulfur (agen sambung silang)	1.75
50 % Sebatian Zink mercaptobenzothiozole (pencepat)	1.00
40 % Sebatian ZnO (pengaktif)	2.00
40 % Sebatian anti pengoksidaan	0.50

Sebatian lateks yang disediakan selalunya dilakukan proses sambung silang yang dipanggil pra-pemvulkanan sebelum digunakan. Tetapi ada juga industri yang menggunakan sebatian lateks yang tidak dilakukan proses pra-pemvulkanan. Proses pra-pemvulkanan dilakukan dengan memanaskan sebatian lateks pada suhu 70 °C mengikut masa pra-pemvulkanan yang telah diukur. Semasa pemanasan sambung silang akan terjadi pada molekul-molekul getah asli yang berada di dalam zarah lateks. Sekiranya proses pra-pemvulkanan ini tidak dikawal dengan rapi serta amaun kuratif yang digunakan lebih dari yang tertera di dalam formulasi, sebatian lateks akan menjadi lampau matang. Selepas proses pra-pemvulkanan, sebatian lateks tersebut akan disimpan di dalam tangki penyimpanan sebelum digunakan. Masa

penyimpanan bergantung pada kadar pengeluaran kilang tersebut. Semasa peyimpanan, sekiranya pengawasan rapi tidak dilakukan, kelikatan serta darjah sambung silang sebatian lateks akan meningkat. Peningkatan kelikatan boleh dipercepatkan oleh suhu yang tinggi dan kelembapan yang rendah. Fenomena pengerasan storan boleh terjadi dan disebabkan oleh kehadiran kumpulan karbonil seperti aldehid pada rantai getah, (Sekhar, 1960 a,b). Pengerasan storan boleh direncatkan dengan dua kaedah iaitu menambah garam hidroksilamina ke dalam lateks getah asli dan menuliskan getah. Getah yang ditambah dengan garam itu dipanggil CV (constant viscosity). Jika bahan bukan getah dan kumpulan amino ditambahkan ke dalam lateks getah asli maka pengerasan storan terjadi. Jika kumpulan amino dalam fasa getah bukan dinyahaktifkan dengan menindak balaskan dengan kalium sianat, pengerasan akan direncatkan. Oleh itu boleh disimpulkan bahawa dalam pengerasan storan, kumpulan-kumpulan berfungsi pada rantai getah akan bertambah dengan asid amino dan protin dari bahan bukan getah. Apabila ini terjadi, lateks tersebut tidak boleh digunakan.

Getah-getah mengalir apabila daya dikenakan ke atasnya. Getah-getah mentah juga mempunyai sifat-sifat kekuatan yang lemah. Untuk getah-getah mentah mempunyai sifat-sifat kekuatan yang kuat maka agen pemvulkanan ditambahkan bagi menghasilkan ikatan sambung silang secara kimia yang terbentuk dalam tiga dimensi. Proses pencampuran antara getah mentah dengan bahan pemvulkanan dan juga bahan-bahan yang lain dilakukan untuk mendapatkan sebahagian getah yang homogen.

Sistem pemvulkanan dapat dibahagikan kepada sistem lazim, sistem cekap, sistem separa cekap. Pada sistem lazim vulkanisat sistem ini mempunyai sebilangan besar sambung silang polisulfida dan sekurang-kurang 10 atom sulfur bergabung dalam rangkaian untuk setiap sambung silang kimia. Dari struktur yang ditunjukkan, hanya sulfida yang membentuk titian antara rantai-rantai merupakan penanggung tegasan yang menyambung kepada keelastikan getah dan kekuatan (Brydson, 1967).

Kumpulan-kumpulan lain seperti monosulfi siklik, disulfi siklik, sulfit fragmen pemecut dan sambung silang yang terbentuk bersebelahan adalah sulfida terbazir. Mereka tidak menyumbang kepada sifat elastik. Pengubahsuaian utama seperti diena dan triena berkojungat menambahkan kemungkinan perosotan bagi getah tervulkan (Kuan, 1985). Sedangkan pada sistem cekap faktor yang menghasilkan stukturanya, adalah nisbah pemecut dengan sulfur yang tinggi dan masa pemvulkanan panjang pada suhu yang rendah.

2.3.2 Kaedah pencelupan

Kaedah pencelupan merupakan suatu kaedah penghasilan barangan dari lateks yang dilakukan dengan mencelup suatu pembentuk, yang telah dibersihkan, ke dalam sebatian lateks. Semasa pembentuk dicelup di dalam sebatian lateks zarah-zarah lateks yang bersentuhan dengan permukaan pembentuk mengalami proses penyahstabilan dan bercantum membentuk suatu lapisan atau filem. Filem yang terbentuk mempunyai rupabentuk yang sama dengan rupabentuk pembentuk yang dicelup ke dalam sebatian lateks tersebut. Apabila filem ini dikeringkan produk lateks akan terhasil.